



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/01/01 (HQ)

200 MURID BERSEDIA MELANGKAH KE SEKOLAH DENGAN KELENGKAPAN PERSEKOLAHAN BARU

200 murid daripada keluarga kurang berkemampuan di Parlimen Ledang, Johor hari ini menerima sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan dari **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** untuk sesi persekolahan tahun 2016.

Program Jom ke Sekolah atau *Back To School* ini merupakan salah satu program tahunan Tanggungjawab Korporat TNB bagi meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah.

Sumbangan disampaikan oleh Ahli Parlimen Ledang, Datuk Ir. Haji Hamim Samuri di Dewan Jubli Intan, Tangkak, Johor. Murid terlibat adalah dari tahun satu hingga enam dari beberapa buah sekolah di sekitar daerah itu.

Pengurus Besar Negeri (Johor), Bahagian Pembahagian TNB, Mohd Yusuf Ibrahim berkata sumbangan TNB termasuklah pakaian seragam sekolah, kasut dan beg sekolah keseluruhannya bernilai RM45,000.

Sumbangan kelengkapan sekolah ini turut dilaksanakan di 15 Kawasan Parlimen di lapan (8) buah negeri iaitu, Sabah, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 4,000 murid-murid menerima sumbangan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM900,000.

Pada tahun 2013, seramai 1299 orang murid daripada 78 buah sekolah di tujuh (7) buah negeri di Semenanjung telah mendapat manfaat dari program ini. Manakala dalam tahun 2014, seramai 2489 orang murid daripada 109 buah sekolah di sembilan (9) buah negeri.

Dikeluarkan di Tangkak, Johor pada 1 Januari 2016

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Encik Zainal di talian 013-7515215
atau Puan Hawa di 019-269 1907, atau Maizatul Nadiah 017-381 6602*

media@tnb.com.my